

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sembilan

### **Bait Tuhan Dipenuhi Kemuliaan Tuhan**

Bacaan Bible: Kel. 24:16; 40:34-35; 1 Raj. 8:10-11; Kis. 7:2, 55;  
Yoh. 17:22; Ef. 3:21; Wahi 5:13; 21:9-11

- I. Kemuliaan ialah atribut Tuhan; kemuliaan ialah ekspresi Tuhan, iaitu Tuhan yang diekspresikan dalam kesemarak—Kel. 24:16; Kis. 7:55.**
- II. Kemuliaan Tuhan memenuhi tabernakal dan bait—Kel. 40:34-35; 1 Raj. 8:10-11:**
  - A. “Awan menutupi Khemah Pertemuan, dan kemuliaan Yehova memenuhi tabernakal”—Kel. 40:34:
    1. Hari tabernakal didirikan, awan turun dan menutupinya, serta kemuliaan Tuhan masuk dan memenuhinya ialah hari terbesar—ay. 2, 34-35:
      - a. Orang yang berhimpun di sekeliling Khemah Pertemuan dapat melihat awan, manakala hentar agung yang akhirnya masuk ke Tempat Maha Kudus dalam tabernakal dapat melihat kemuliaan dalaman tabernakal—Im. 16:15; Ibr. 9:7.
      - b. Ini menunjukkan bahawa dalam pengalaman kehidupan gereja, kita perlu maju dengan masuk ke dalam tabernakal—Kristus yang merupakan perjasadan Tuhan—untuk menikmati roti di atas meja dan untuk berdoa-pinta di mazbah ukupan, agar kita dapat mengalami kemuliaan dalam tempat huni Tuhan—Kel. 40:34-35; Yoh. 1:14.
    2. Tabernakal ditutupi awan dan dipenuhi kemuliaan merupakan berkat yang amat besar kepada bani Israel, namun hari ini kita mempunyai realiti bagi apa yang hanya dimiliki mereka dari segi perlambangan—14:2-3, 6, 10-11, 16-18, 20, 26; Ef. 2:18-22; 3:16-21.
  - B. “Kemuliaan Yehova memenuhi rumah Yehova”—1 Raj. 8:11:
    1. Bait, yakni ekspresi korporat dan kediaman Tuhan di bumi, dipenuhi kemuliaan Tuhan—ay. 10-11.
    2. Kemuliaan Yehova memenuhi bait Yehova, membawa Tuhan yang berada di syurga-syurga ke bumi dan menghubungkan bumi dengan syurga-syurga—ay. 11.
    3. Dalam Kejadian 28, Yakub bermimpi bahawa “ada tangga yang didirikan di bumi, dan hujungnya mencapai syurga” (ay. 12), dan dia mengatakan bahawa ini “bukannya yang lain melainkan rumah Tuhan, dan inilah pintu syurga” (ay. 17):
      - a. Di situ, syurga turun ke bumi dan bumi dihubungkan ke syurga melalui tangga.
      - b. Tangga ini ialah tamsil bagi Kristus; Kristus sebagai Anak Manusia berserta keinsanan-Nya ialah tangga yang didirikan di bumi dan menuju ke syurga agar syurga terus terbuka kepada bumi dan menghubungkan bumi dengan syurga untuk rumah Tuhan, iaitu Betel—Yoh. 1:51; Kej. 28:19.
      - c. Hari ini, Tuhan di syurga telah turun ke bumi, dan bumi pula dihubungkan dengan Tuhan melalui Kristus yang huni dalam kita—Kol. 1:27.
      - d. Tuhan bukan sahaja turun dari syurga, malah kemuliaan-Nya yang dapat dilihat juga memenuhi bait—1 Raj. 8:10-11.
- III. Tuhan Tritunggal ialah Tuhan kemuliaan—Kis. 7:2, 55:**
  - A. Tuhan ialah Tuhan kemuliaan—ay. 2, 55:

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Sembilan (sambungan)

1. Bila-bila sahaja Tuhan diekspresikan, itulah kemuliaan; Tuhan yang tidak dapat dilihat ialah Tuhan, dan Tuhan yang dapat dilihat ialah kemuliaan—Kel. 13:21.
  2. Tuhan kemuliaan menampakkan diri kepada Abraham, memanggilnya, dan mengasingkan dia daripada dunia kepada Tuhan; dia tertarik dan tertawan oleh kemuliaan itu—Kis. 7:2.
- B. Dalam Efesus 1:17 Paulus menggunakan istilah *Bapa kemuliaan*:
1. Bapa kemuliaan ialah Tuhan yang diekspresikan menerusi anak-Nya yang banyak—Ibr. 2:10.
  2. Gelaran *Bapa* mengimplikasikan kelahiran, dan perkataan *kemuliaan* pula mengimplikasikan ekspresi; oleh itu, gelaran *Bapa kemuliaan* mengimplikasikan kelahiran dan ekspresi.
- C. Kristus Anak dan Tuhan Bapa adalah sama dalam kemuliaan—Yoh. 17:5:
1. Kristus Anak ialah semarak kemuliaan Tuhan; Anak ialah penyinaran dan keterangan kemuliaan Bapa—Ibr. 1:3a.
  2. Kristus ialah Raja kemuliaan, Yehova ribuan tentera, Tuhan Tritunggal terkonsumasi yang terjasad dalam Kristus yang menang dan yang akan datang—Mzm. 24:7-10; Luk. 21:27; Mat. 25:31.
  3. Kristus ialah Tuan kemuliaan—1 Kor. 2:7-8:
    - a. Kristus ialah hayat kita pada hari ini dan kemuliaan kita pada masa hadapan—Kol. 3:4; 1:27.
    - b. Tuhan telah memanggil kita kepada kemuliaan ini, dan Dia akan membawa kita ke dalam kemuliaan ini—1 Ptr. 5:10; Ibr. 2:10.
- D. Satu Petrus 4:14 berbicara tentang “Roh kemuliaan, iaitu Roh Tuhan”:
1. Roh kemuliaan ialah Roh Tuhan.
  2. Roh kemuliaan ialah Dia yang menerusi-Nya Kristus dimuliakan dalam kebangkitan-Nya—Roma 1:4.
  3. Roh kemuliaan ini berehat pada percayawan yang menderita dalam penindasan, untuk memuliakan Kristus yang bangkit dan dijunjung itu, yang kini berada dalam kemuliaan—1 Ptr. 4:13-14.

#### **IV. Kemuliaan Tuhan secara intrinsiknya berkaitan dengan ekonomi Tuhan—1 Tim. 1:4; Ef. 1:10:**

- A. Matlamat abadi Tuhan ialah memimpin anak-Nya yang banyak ke dalam kemuliaan demi ekspresi korporat yang abadi—Yerusalem Baru—Ibr. 2:10; 1 Kor. 2:7; Ef. 1:5-6, 12, 14; Wahi 21:7, 9-11.
- B. Tuhan telah mempratakdirkan kita agar beroleh kemuliaan-Nya supaya kita dapat mengekspresikan-Nya; oleh itu, matlamat prapentakdiran Tuhan ialah pemuliaan kita—1 Kor. 2:7.
- C. Tuhan mencipta kita menurut imej-Nya untuk menjadi wadah yang terhormat, yang disediakan untuk kemuliaan; kita telah dipratakdirkan menurut ketentuan-Nya untuk menjadi wadah yang terhormat bagi mengekspresikan apanya Dia dalam kemuliaan—Kej. 1:26; Roma 9:21, 23.
- D. Penebusan Kristus telah memenuhi tuntutan kemuliaan Tuhan—3:23-25; Ibr. 9:5; bd. Kej. 3:24.
- E. Menerusi injil kemuliaan Tuhan, Tuhan telah memanggil kita melalui dan ke dalam kemuliaan-Nya yang abadi—2 Kor. 4:4; 1 Tim. 1:11; 1 Tes. 2:12; 1 Ptr. 5:10; 2 Ptr. 1:3.
- F. Kristus almuhit huni dalam kita sebagai harapan kemuliaan—Kol. 1:27; 3:4, 11.

## GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

### Mesej Sembilan (sambungan)

- G. Apabila kita menatap dan memantulkan kemuliaan Tuan, kita ditransform menjadi imej Tuan daripada kemuliaan kepada kemuliaan—2 Kor. 3:18.
  - H. Tuhan Bapa bergerak dalam kita sebagai Tuhan segala kurnia supaya kita dapat berbahagian dalam kemuliaan-Nya yang abadi, bahkan menjadi kemuliaan Tuhan—1 Ptr. 5:10.
  - I. Kemuliaan Tuhan dalam ekonomi Tuhan merangkumi puncak tinggi wahi divin—Tuhan menjadi manusia supaya manusia dapat menjadi Tuhan dalam hayat, sifat, dan fungsi, tetapi bukan dalam Ketuhanan—Yoh. 1:14; Roma 8:3; 1:3-4; Kol. 3:4; Ibr. 2:10; Wahi 21:10-11.
- V. Dalam Yohanes 17:22, Tuan Yesus berdoa, “Kemuliaan yang Engkau beri kepada-Ku telah Kuberi kepada mereka, supaya mereka menjadi satu, bahkan sama seperti Kita adalah satu”:**
- A. Setelah berdoa untuk peringkat-peringkat kesatuan dalam nama Bapa melalui hayat abadi (ay. 6-13) dan kesatuan menerusi pengudusan melalui sabda kudus (ay. 14-21), Tuan berdoa untuk peringkat ketiga yang berkaitan dengan kesatuan percayawan dalam kemuliaan divin demi ekspresi korporat Tuhan Tritunggal (ay. 22-24).
  - B. Memandangkan kemuliaan yang diberi Bapa kepada Anak telah diberi kepada kita melalui Anak, maka kesatuan sejati ada dalam kemuliaan divin—ay. 22:
    - 1. Kemuliaan ialah keanakan yang diberi Bapa kepada Anak bersama dengan hayat dan sifat divin Bapa untuk mengekspresikan Bapa dalam kepenuhan-Nya—ay. 1, 5, 22.
    - 2. Terdapat empat aspek kemuliaan: keanakan, hayat Bapa, sifat divin Bapa, dan ekspresi Bapa dalam kepenuhan-Nya; keempat-empat perkara ini bersamaan dengan kemuliaan yang kita ada dalam Anak dan kemuliaan yang diberi Anak kepada kita—Ef. 1:5; 4:18; 1 Yoh. 5:12; 2 Ptr. 1:4; Wahi 21:9-11.
  - C. Dalam kesatuan peringkat ketiga, percayawan, setelah menyangkal diri dengan sepenuhnya, menikmati kemuliaan Bapa sebagai faktor kesatuan mereka yang disempurnakan, dan dengan demikian mengekspresikan Tuhan secara korporat dan terbina—Yoh. 17:22:
    - 1. Hanya pada peringkat ketiga barulah kesatuan kita akan disempurnakan dengan sepenuhnya menjadi satu untuk memantulkan dan memuliakan Tuan.
    - 2. Kita akan memiliki hayat Tuhan, sifat Tuhan, malah Tuhan sendiri untuk menjadi manifestasi dan ekspresi Tuhan—ay. 22.
- VI. Dalam Efesus 3:21, Paulus mengisytiharkan, “Kepada-Nya diberi kemuliaan dalam gereja dan dalam Kristus Yesus hingga semua generasi buat selama-lamanya. Amen”:**
- A. Kita sedang diperkuat ke dalam manusia dalaman kita menurut kekayaan kemuliaan Tuhan; ini mengimplikasikan bahawa kemuliaan Tuhan dapat digarapkan ke dalam pekudus—ay. 16; 2 Kor. 3:18.
  - B. Dalam Efesus 3:21, *kepada-Nya diberi kemuliaan* mengimplikasikan bahawa kemuliaan Tuhan yang digarapkan ke dalam pekudus itu kembali kepada Tuhan.
  - C. Kemuliaan ini datang bersama dengan Tuhan kepada kita, dan selepas digarapkan ke dalam kita, kemuliaan ini akan kembali bersama dengan kita kepada Tuhan; inilah cara Tuhan dimuliakan dalam gereja—ay. 16-21.
  - D. Melalui perhubungan dua hala ini, gereja sebagai buah sulung dalam alam semesta (Yak. 1:18) memimpin untuk memberi kemuliaan kepada Tuhan:

## SATU DAN DUA RAJA-RAJA

### Mesej Sembilan (sambungan)

1. Kemuliaan Tuhan digarapkan ke dalam gereja, dan Tuhan diekspresikan dalam gereja—Ef. 1:22-23; 2:21-22; 3:16-17, 19b.
2. Kepada Tuhan diberi kemuliaan dalam gereja bererti Tuhan dimuliakan dalam gereja—ay. 21.
3. Tuhan bukan sahaja akan dimuliakan pada zaman ini, iaitu zaman gereja, malah Dia juga dimuliakan pada zaman akan datang, iaitu zaman kingdom, dan dalam zaman segala zaman, iaitu keabadian—Mat. 6:13, 29; Roma 16:27; Wahi 5:13; 21:10-11.
4. Untuk Tuhan dimuliakan dalam semua zaman, dari zaman sekarang hingga keabadian, Dia harus dimuliakan dalam gereja dan dalam Kristus—Ef. 3:21.

### **VII. Ciri yang menonjol bagi Yerusalem Baru ialah Yerusalem Baru mempunyai kemuliaan Tuhan, iaitu ekspresi-Nya—Wahi 21:11, 23:**

- A. Yerusalem Baru, yang merupakan ekspresi korporat Tuhan dalam keabadian, mempunyai penampilan Tuhan, mengekspresikan imej Tuhan dalam kemuliaan-Nya—ay. 10-11; 4:3.
- B. Seluruh kota Yerusalem Baru mempunyai kemuliaan Tuhan, iaitu Tuhan sendiri yang memancar menerusi kota itu—21:11a:
  1. Kemuliaan Tuhan ialah isi kandungan Yerusalem Baru, kerana kota itu sama sekali dipenuhi kemuliaan-Nya; ini menunjukkan bahawa Yerusalem Baru ialah wadah untuk berisikan Tuhan dan mengekspresikan-Nya.
  2. Kemuliaan Tuhan sebenarnya ialah Tuhan sendiri dimanifestasikan; oleh itu, kota kudus dipenuhi kemuliaan Tuhan bermaksud bahawa Tuhan dimanifestasikan dalam kota ini.
- C. Kemuliaan Tuhan, iaitu Tuhan yang diekspresikan, menerangi Yerusalem Baru, bersinar menerusi tembok yaspis—ay. 23, 18a:
  1. Cahaya Yerusalem Baru adalah seperti batu yaspis, jernih seperti kristal—ay. 11b.
  2. Kemuliaan Tuhan bersinar dalam Kristus Anak Domba sebagai lampu menerusi tembok kota kudus—ay. 23, 18a.
- D. Tuhan ialah Yerusalem Baru, dan memuliakan Tuhan bererti mengambil Dia sebagai Yerusalem Baru serta memberi semua kemuliaan kepada-Nya—ay. 22; Roma 15:5-7:
  1. Memuliakan Tuhan bererti berbahagian dalam Yerusalem Baru—Wahi 3:12; 21:11.
  2. Hanya apabila kita mengekspresikan Tuhan dalam Yerusalem Baru barulah Dia benar-benar dimuliakan dalam alam semesta—Roma 16:27; 1 Kor. 10:31.
- E. Sebagai Yerusalem Baru, pada kita kemuliaan-Nya mendapat pujian—Ef. 1:12:
  1. Dalam keabadian, semua anak Tuhan akan ditepui Tuhan dengan sepenuhnya dan akan mengekspresikan Tuhan—Ibr. 2:10.
  2. Tuhan akan diekspresikan menerusi anak-anak-Nya yang dimuliakan, dan Tuhan yang diekspresikan ini ialah kemuliaan—Wahi 21:7.
  3. Semua malaikat dan perkara positif dalam alam semesta akan memuji Tuhan yang diekspresikan; dengan itu, pada kita, yakni anak-anak Tuhan yang dimuliakan, kemuliaan-Nya akan mendapat pujian—Ef. 1:12.